

ZON 4 JOHOR, SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN NOVEL TINGKATAN 1 - SEJAMBAK BAKTI

TEMA

Tema novel ini ialah kegigihan sekumpulan remaja memajukan kedai koperasi sekolah. Hal ini dibuktikan menerusi watak Razali yang bertugas sebagai Penolong Setiausaha. Dia dibantu oleh Ramlah, Harun, Swee Lan, dan Saridevi sehingga koperasi sekolah mereka diumumkan sebagai koperasi terbaik di peringkat kebangsaan. Walaupun mendapat cabaran seperti kedai koperasi diceroboh sebanyak dua kali, namun mereka tetap bersiap siaga dengan dibantu oleh Cikgu Zulkifli untuk memastikan koperasi mereka boleh menyertai pertandingan.

PERSOALAN

1. Setia kawan dalam menjalani kehidupan remaja
 - contoh Ramlah tetap menyokong dan memberi semangat ketika Razali menghadapi dugaan seperti dituduh menceroboh kedai koperasi.
2. Perasaan dendam menyebabkan hilang pertimbangan akal
 - contohnya Munir yang mendendami Razali gara-gara tidak dapat menjalin hubungan dengan Ramlah sehinggakan sanggup memukul dan memfitnah Razali menceroboh koperasi sekolah.
3. Menyimpan rahsia kerana takut kehilangan orang yang disayangi
 - contohnya Mak Sopiah sanggup merahsiakan ayah kandung Razali kerana tidak mahu anaknya itu meninggalkannya kelak jika Razali mengetahui ayah kandungnya yang sebenar.
4. Pengaruh rakan sebaya yang boleh merosakkan hidup remaja
 - contohnya Silvam dan Leong mengikut sahaja kata-kata Munir supaya membelasah Razali menyebabkan mereka berdua dijatuhi hukuman rotan oleh pengetua.

LATAR TEMPAT

1. Kedai Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan
 - iaitu sebuah bilik yang menjual beraneka barang untuk kegunaan murid. Di tempat itulah Razali dan rakan-rakan bertugas menjaga dan menguruskan kedai sehinggalah koperasi tersebut terpilih sebagai koperasi terbaik di peringkat kebangsaan.
2. Rumah di pinggir sawah
 - iaitu rumah keluarga Razali yang didiami oleh ibunya, Mak Sopiah dan bapa tirinya, Pak Zakaria.
3. Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya
 - iaitu sebuah tempat yang dikunjungi oleh Razali selama seminggu untuk mendalami ilmu yang berkaitan dengan koperasi.
4. Sebuah pondok di tengah sawah
 - iaitu tempat yang selalu dikunjungi oleh Razali untuk mengulang kaji pelajaran secara sendirian atau bersama dengan rakan-rakannya.

NILAI MURNI

1. Kasih sayang
 - contohnya dapat dilihat menerusi sikap penyayang Razali terhadap ibunya apabila dia segera memeluk Mak Sopiah ketika ibunya itu menangis setelah didesak menceritakan tentang ayahnya.
2. Kerjasama
 - contohnya Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah bersama-sama mengemas dan mencantikkan kedai koperasi untuk memastikan kedai koperasi mereka berjaya meraih kejuaraan dalam pertandingan koperasi terbaik peringkat kebangsaan.
3. Baik hati
 - contohnya Razali tidak berdendam terhadap Munir, walaupun Munir telah menfitnahnya menceroboh kedai koperasi, sebaliknya dia sanggup membantu Munir meningkatkan prestasi dalam pelajaran sepanjang Munir digantung persekolahan selama seminggu.
4. Rasional
 - contohnya pihak sekolah tidak menuduh mana-mana pihak yang menceroboh kedai koperasi sekolah, sebaliknya menyerahkan kepada pihak polis untuk menyiasat dan seterusnya membuat pemeriksaan mengejut untuk mengetahui pelaku penceroboh yang sebenarnya.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah mengamalkan sikap berkasih sayang
 - contohnya dapat dilihat menerusi sikap penyayang Razali terhadap ibunya apabila dia segera memeluk Mak Sopiah ketika ibunya itu menangis setelah didesak menceritakan tentang ayahnya.
2. Kita mestilah mengamalkan sikap bekerjasama ketika melakukan sesuatu pekerjaan
 - contohnya Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah bersama-sama mengemas dan mencantikkan kedai koperasi untuk memastikan kedai koperasi mereka berjaya meraih kejuaraan dalam pertandingan koperasi terbaik peringkat kebangsaan. Di samping itu kita sewajarnya bersikap baik hati terhadap orang lain, contohnya Razali tidak berdendam terhadap Munir, walaupun Munir telah menfitnahnya menceroboh kedai koperasi, sebaliknya dia sanggup membantu Munir meningkatkan prestasi dalam pelajaran sepanjang Munir digantung persekolahan selama seminggu.
3. Kita hendaklah bersikap rasional dalam bertindak
 - contohnya pihak sekolah tidak menuduh mana-mana pihak yang menceroboh kedai koperasi sekolah, sebaliknya menyerahkan kepada pihak polis untuk menyiasat dan seterusnya membuat pemeriksaan mengejut untuk mengetahui pelaku penceroboh yang sebenarnya.

NOVEL TINGKATAN 2 - DARAH TITIK DI SEMANTAN

TEMA

Novel ini bertemakan semangat patriotisme dalam kalangan anak watan untuk membebaskan tanah air daripada penjajah. Datuk Bahaman dan orang-orangnya telah berjuang menentang Inggeris. Datuk Bahaman serta orang-orangnya telah menyusun strategi dan serangan melawan Inggeris yang mula bertapak di daerah Semantan. Mereka terpaksa melalui pelbagai cabaran dan saingan sehingga peringkat menggadaikan nyawa.

PERSOALAN

1. Budaya bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan
 - contohnya Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad bersama-sama membina kubu di Teluk Sengarat. Apabila tempat itu siap, Datuk Bahaman, Mat Lela dan Tuk Selampit mengawal tempat tersebut. Datuk Bahaman juga menyampaikan amanat bahawa pertempuran ini akan lebih sulit dan besar kerana bakal menghadapi 50 orang mata-mata Sikh yang diketuai oleh Desborough manakala satu lagi pasukan terdiri daripada 300 askar-askar sultan yang diketuai oleh Tengku Ali.
2. Keberanian untuk menegakkan keadilan
 - contohnya Datuk Bahaman berani menentang penjajah Inggeris walaupun tahu dirinya dalam keadaan terancam. Tindakan yang dilakukan oleh Datuk Bahaman ialah menyusun strategi perang terhadap Inggeris. Apabila Desborough datang dengan membawa 50 orang mata-mata Inggeris, Datuk Bahaman menyerang dan menewaskan mereka.
3. Semangat cinta akan negara
 - contohnya Datuk Bahaman dan orang-orangnya sanggup melakukan apa-apa sahaja demi menyelamatkan tanah air tercinta. Buktinya, apabila dia membunuh 50 orang mata-mata Inggeris yang dibawa oleh Desborough kerana menganggap golongan penjajah tidak boleh diberi muka di bumi Semantan.

LATAR TEMPAT

1. Daerah Semantan
 - contohnya Datuk Bahaman merupakan pemimpin di daerah Semantan.
2. Lubuk Terua
 - contohnya Syres selalu datang ke Lubuk Terua dengan tujuan untuk mencari rahsia tentang Datuk Bahaman
3. Lubuk Sengarat
 - iaitu tempat Zahid dan rakan-rakannya membina kubu.
4. Rumah Datuk Bahaman
 - contohnya Zahid, Samad, Awang Muhammad, Pak Long Abas, dan Datuk Panglima Raja berbincang dengan Datuk Bahaman tentang kubu yang sedang dibina di Lubuk Sengarat.

5. Darat Kelubi

- contohnya peristiwa Mat Kilau datang untuk menemui Datuk Bahaman sambil membawa satu salinan surat pengampunan yang telah ditandatangani oleh Sultan Ahmad.

NILAI MURNI

1. Kerjasama

- contohnya Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad bersama-sama membina kubu di Teluk Sengarat. Apabila tempat itu siap, Datuk Bahaman, Mat Lela dan Tuk Selampit mengawal tempat tersebut. Datuk Bahaman juga menyampaikan amanat bahawa pertempuran ini akan lebih sulit dan besar kerana mereka bakal menghadapi 50 orang mata-mata Sikh yang diketuai oleh Desborough manakala satu lagi pasukan terdiri daripada 300 askar-askar sultan yang diketuai oleh Tengku Ali.

2. Keberanian

- contohnya Datuk Bahaman berani menentang penjajah Inggeris walaupun tahu dirinya dalam keadaan terancam. Tindakan yang dilakukan oleh Datuk Bahaman ialah menyusun strategi perang terhadap Inggeris. Apabila Desborough datang dengan membawa 50 orang mata-mata Inggeris, Datuk Bahaman menyerang dan menewaskan mereka.

3. Patriotisme

- contohnya Datuk Bahaman dan orang-orangnya sanggup melakukan apa-apa sahaja demi menyelamatkan tanah air tercinta. Buktinya, apabila dia membunuh 50 orang mata-mata Inggeris yang dibawa oleh Desborough kerana menganggap golongan penjajah tidak boleh diberi muka di bumi Semantan.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan

- contohnya Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad bersama-sama membina kubu di Teluk Sengarat. Apabila tempat itu siap, Datuk Bahaman, Mat Lela dan Tuk Selampit mengawal tempat tersebut. Datuk Bahaman juga menyampaikan amanat bahawa pertempuran ini akan lebih sulit dan besar kerana mereka bakal menghadapi 50 orang mata-mata Sikh yang diketuai oleh Desborough manakala satu lagi pasukan terdiri daripada 300 askar-askar sultan yang diketuai oleh Tengku Ali.

2. Kita perlulah berani menegakkan keadilan

- contohnya Datuk Bahaman berani menentang penjajah Inggeris walaupun tahu dirinya dalam keadaan terancam. Tindakan yang dilakukan oleh Datuk Bahaman ialah menyusun strategi perang terhadap Inggeris. Apabila Desborough datang dengan membawa 50 orang mata-mata Inggeris, Datuk Bahaman menyerang dan menewaskan mereka.

3. Kita mestilah berjiwa patriotisme

- contohnya Datuk Bahaman dan orang-orangnya sanggup melakukan apa-apa sahaja demi menyelamatkan tanah air tercinta. Buktinya, apabila dia membunuh 50 orang mata-mata Inggeris yang dibawa oleh Desborough kerana menganggap golongan penjajah tidak boleh diberi muka di bumi Semantan.

NOVEL TINGKATAN 3 - HEMPASAN OMBAK

TEMA

Tema novel ialah kegigihan remaja dalam usaha untuk memajukan syarikat. Apabila Haji Badrul meninggal dunia akibat barah dalam perut, Farid yang baru berusia 19 tahun terpaksa menerajui Perusahaan Batik Nusantara. Ketika Farid menerima tanggungjawab tersebut, aliran tunai syarikat dalam keadaan mencemaskan. Untuk mengatasi masalah tersebut, ibunya Hajah Zaoyah terpaksa menggadai tanah dan barang kemas. Seterusnya Farid belajar ilmu perniagaan menerusi bekas pekerja ayahnya, Mokhsein. Bengkel baharu dibina dan batik corak moden dikeluarkan. Kedudukan syarikat kembali stabil. Namun, kemajuan syarikatnya tidak disenangi oleh Mukhtar. Atas arahan Mukhtar, samseng telah membakar bengkel Farid. Farid reda atas ketentuan Allah SWT dan berazam mahu membangunkan semula syarikat dengan mendirikan semula bengkel baharu.

PERSOALAN

1. Persoalan jatuh bangun dunia perniagaan
 - contohnya Farid yang menguruskan perniagaan Syarikat Batik Nusantara mengalami kesulitan menguruskan syarikat tersebut kerana aliran perbelanjaan yang tidak lancar, sedangkan sebelum ini syarikatnya maju dan terkenal terutama di Kuala Terengganu.
2. Persoalan kehidupan yang bersederhana walaupun mempunyai wang dan kedudukan
 - contohnya Farid mengekalkan sikap bersederhana dalam menjalani kehidupan walaupun dia menduduki jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat Batik Nusantara dengan menaiki motosikal jika ada urusan luar. Sekiranya dia ingin berkereta, dia lebih selesa menggunakan kereta Peugeot lama peninggalan arwah ayahnya. Ketika makan tengah hari bersama-sama Zuraida, dia lebih selesa memilih untuk makan di warung biasa, bukan di hotel.
3. Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak dan warisan keluarga
 - contohnya Hajah Zaoyah amat menyayangi anak-anaknya. Disebabkan anak-anaknya yang lain ada masalah; Lotfi sudah 10 tahun hidup di atas kerusi roda kerana lumpuh dari paras pinggang ke bawah setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya; Farhan meninggal dunia juga akibat kemalangan jalan raya; dan Hanisyah (15 tahun) serta Hisyam (12 tahun) yang masih terlalu muda, maka tanggungjawab menguruskan Syarikat Batik Nusantara diserahkan kepada Farid. Farid pula tidak membantah cadangan tersebut.
4. Persoalan sikap manusia yang suka membantu orang lain tanpa mengharap balasan
 - contohnya Mokhsein yang pernah bekerja dengan Haji Badrul lebih 10 tahun berasa terhutang budi kerana mendidiknya dalam dunia perniagaan telah bersikap murah hati membantu Farid memajukan Syarikat Batik Nusantara.

Mokhsein sudi menerangkan tentang perlunya Farid menjalankan "strategi terkunci" jika mahu syarikatnya kukuh kembali.

5. Persoalan kecerdikan seseorang menggunakan akal ketika menghadapi saat-saat mencemaskan
 - contohnya ketika bengkel dijilat api, Farid hanya melihat sahaja setelah berusaha memadamkan kemaraan api dengan menggunakan pemadam api kerana memikirkan banyak tong gas di dalam bengkel itu. Dia menyerahkan tanggungjawab memadamkan api kepada Pasukan Bomba dan Penyelamat serta kakitangan Tenaga Nasional yang datang untuk memutuskan bekalan elektrik. Apabila pekerjaanya tiba, Farid mengarahkan pekerja batik asli bekerja seperti biasa kerana tidak mahu moral pekerjaanya terjejas.

LATAR TEMPAT

1. Kampung Losong, Kuala Terengganu
 - contohnya di kampung tersebutlah terdirinya Syarikat Batik Nusantara, tempat Farid bekerja dan rumah keluarganya juga terletak tidak jauh dari syarikat.
2. Pejabat pemborong binaan Nadi Zaman
 - contohnya Farid mengunjungi pejabat tersebut yang dimiliki oleh Mokhsein, bekas pekerja ayahnya satu ketika dahulu.
3. Sebuah gerai di bazar MARA di Jalan Banggol
 - contohnya Zuraida telah berniaga menjual pakaian sejak tujuh tahun lalu di gerai itu.
4. Balai Polis Daerah Kuala Terengganu
 - contohnya di tempat itulah Farid membuat laporan tentang kebakaran bengkelnya.
5. Pekarangan rumah keluarga Farid
 - contohnya tempat itulah berlangsungnya perasmian bengkel baharu Syarikat Batik Nusantara yang dirasmikan oleh Mokhsein dengan dihadiri 200 orang penduduk Kampung Losong.

NILAI MURNI

1. Kesederhanaan
 - contohnya Farid mengekalkan sikap bersederhana dalam menjalani kehidupan walaupun dia menduduki jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat Batik Nusantara dengan menaiki motosikal jika ada urusan luar. Sekiranya dia ingin berkereta, dia lebih selesa menggunakan kereta Peugeot lama peninggalan arwah ayahnya. Ketika makan tengah hari bersama-sama Zuraida, dia lebih selesa memilih makan di warung biasa, bukan di hotel.
2. Kasih sayang
 - contohnya Hajah Zaoyah amat menyayangi anak-anaknya. Disebabkan anak-anaknya yang lain ada masalah; Lotfi sudah 10 tahun hidup di atas kerusi roda kerana lumpuh dari paras pinggang ke bawah setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya; Farhan meninggal dunia juga akibat kemalangan jalan raya; dan Hanisyah (15 tahun) serta Hisyam (12 tahun) yang masih terlalu muda, maka tanggungjawab menguruskan Syarikat Batik Nusantara diserahkan kepada Farid.

Farid pula tidak membantah cadangan tersebut. Malah, Farid amat menyayangi perhubungannya dengan Zuraidah sehinggakan timbulnya perasaan cinta dalam hatinya.

3. Baik hati

- contohnya Mokhsein yang pernah bekerja dengan Haji Badrul lebih 10 tahun berasa terhutang budi kerana mendidikinya dalam dunia perniagaan telah bersikap murah hati membantu Farid memajukan Syarikat Batik Nusantara. Mokhsein sudi menerangkan tentang perlunya Farid menjalankan "strategi terkunci" jika mahu syarikatnya kukuh kembali.

4. Rasional

- contohnya ketika bengkel dijilat api, Farid hanya melihat sahaja setelah berusaha memadamkan kemaraan api dengan menggunakan pemadam api kerana memikirkan banyak tong gas di dalam bengkel itu. Dia menyerahkan tanggungjawab memadamkan api kepada Pasukan Bomba dan Penyelamat serta kakitangan Tenaga Nasional yang datang untuk memutuskan bekalan elektrik. Apabila pekerjaanya tiba, Farid mengarahkan pekerja batik asli bekerja seperti biasa kerana tidak mahu moral pekerjaanya terjejas.

5. Semangat bermasyarakat

- contohnya ketika perasmian bengkel baharu untuk kerja membuat batik moden, Farid telah mengundang 200 orang penduduk kampung untuk merapatkan hubungan silaturahim dengan masyarakat setempat. Hasilnya, jiran tetangga segera datang untuk membantu apabila bengkel tersebut terbakar.

6. Kerajinan

- contohnya Farid rajin turun ke bengkel untuk melihat pekerjaanya menyiapkan batik walaupun tidak mempunyai pengalaman berniaga. Dia juga rajin bertanya kepada orang yang lebih berpengalaman seperti Mokhsein dan Zuraida.

PENGAJARAN

1. Kita perlu bersikap sederhana dalam menjalani kehidupan

- contohnya Farid mengekalkan sikap bersederhana dalam menjalani kehidupan walaupun dia menduduki jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat Batik Nusantara dengan menaiki motosikal jika ada urusan luar. Sekiranya dia ingin berkereta, dia lebih selesa menggunakan kereta Peugeot lama peninggalan arwah ayahnya. Ketika makan tengah hari bersama-sama Zuraida, dia lebih selesa memilih makan di warung biasa, bukan di hotel.

2. Kita hendaklah memiliki sikap kasih sayang terhadap keluarga dan orang lain

- disebabkan anak-anaknya yang lain ada masalah; Lotfi sudah 10 tahun hidup di atas kerusi roda kerana lumpuh dari paras pinggang ke bawah setelah terfibat dalam kemalangan jalan raya; Farhan meninggal dunia juga akibat kemalangan jalan raya; dan Hanisyah (15 tahun) serta Hisyam (12 tahun) yang masih terlalu muda, maka tanggungjawab menguruskan Syarikat Batik Nusantara diserahkan kepada Farid. Farid pula tidak membantah cadangan tersebut. Malah, Farid amat menyayangi perhubungannya dengan Zuraidah sehinggakan timbulnya perasaan cinta dalam hatinya.

3. Kita mestilah bersikap baik hati dengan membantu orang yang memerlukan
 - contohnya Mokhsein yang pernah bekerja dengan Haji Badrul lebih 10 tahun berasa terhutang budi kerana mendidiknya dalam dunia perniagaan telah bersikap murah hati membantu Farid memajukan Syarikat Batik Nusantara. Mokhsein sudi menerangkan tentang perlunya Farid menjalankan "strategi terkunci" jika mahu syarikatnya kukuh kembali.
4. Kita sewajarnya bertindak rasional jika menghadapi sesuatu masalah
 - contohnya ketika bengkel dijilat api, Farid hanya melihat sahaja setelah berusaha memadamkan kemaraan api dengan menggunakan pemadam api kerana memikirkan banyak tong gas di dalam bengkel itu. Dia menyerahkan tanggungjawab memadamkan api kepada Pasukan Bomba dan Penyelamat serta kakitangan Tenaga Nasional yang datang untuk memutuskan bekalan elektrik. Apabila pekerjaanya tiba, Farid mengarahkan pekerja batik asli bekerja seperti biasa kerana tidak mahu moral pekerjaanya terjejas.
5. Kita mestilah mengamalkan semangat bermasyarakat
 - contohnya ketika perasmian bengkel baharu untuk kerja membuat batik moden, Farid telah mengundang 200 orang penduduk kampung untuk merapatkan hubungan silaturahim dengan masyarakat setempat. Hasilnya, jiran tetangga segera datang untuk membantu apabila bengkel tersebut terbakar.
6. Kita hendaklah rajin ketika menjalankan tugas
 - contohnya Farid rajin turun ke bengkel untuk melihat pekerjaanya menyiapkan batik walaupun tidak mempunyai pengalaman berniaga. Dia juga rajin bertanya kepada orang yang lebih berpengalaman seperti Mokhsein dan Zuraida.